



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PLAGIAT KENDIRI DALAM ARTIKEL JURNAL ILMIAH

HANIS IZRIN BINTI MOHD HASSAN

FBMK 2021 50



PLAGIAT KENDIRI DALAM ARTIKEL JURNAL ILMIAH

Oleh

HANIS IZRIN BINTI MOHD HASSAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

PLAGIAT KENDIRI DALAM ARTIKEL JURNAL ILMIAH

Oleh

HANIS IZRIN BINTI MOHD HASSAN

Mac 2020

Pengerusi : Jama'yah Binti Zakaria, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Plagiat sendiri merupakan tindakan tidak beretika pengarang yang mengitar semula atau meniru hasil penulisan sendiri yang telah diterbitkan. Kesukaran mengesan plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah menjadi salah satu faktor plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah terus berlaku. Faktor ini telah mendorong pelaku untuk terus melakukan plagiat sendiri kerana sering terlepas daripada dikenakan sebarang tindakan dan dilihat semakin sukar dibendung. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu yang mengandungi unsur plagiat sendiri, menganalisis jenis-jenis plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu dan merumuskan jenis plagiat yang paling dominan dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu. Kajian ini berfokus kepada artikel jurnal ilmiah berbahasa Melayu yang mengupas mengenai ruang lingkup berkaitan bidang bahasa Melayu yang dapat diakses melalui pangkalan data Malaysia Citation Index (*MyCite*). Pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah analisis kandungan digunakan untuk mencapai objektif kajian manakala model yang digunakan dalam kajian ini ialah Taksonomi Plagiat (Alzahrani, Salim dan Abraham, 2012).

Berdasarkan dapatan kajian, jenis plagiat yang paling dominan dilakukan dalam penulisan artikel yang dikaji ialah plagiat langsung (77%) berbanding plagiat pintar (23%). Plagiat langsung yang paling banyak dilakukan oleh pengarang ialah salinan hampir serupa (penggantian) iaitu sebanyak 30% diikuti salinan hampir serupa (penghapusan) sebanyak 22%. Salinan hampir serupa (penambahan) mewakili sebanyak 14% dan salinan terus yang serupa (sebahagian dokumen) mewakili sebanyak 8%. Jenis plagiat salinan hampir serupa (gabungan/pisahan), salinan diubah suai (susunan semula frasa) dan salinan yang diubah suai (sintaks) mewakili jumlah peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 1%. Peratusan plagiat peniruan idea (bahagian utama teks) mewakili sebanyak 11% yang merupakan peratusan plagiat tertinggi antara jenis-jenis plagiat pintar. Manipulasi teks (ringkasan), peniruan idea (makna berdasarkan semantik) dan penterjemahan pula mewakili jumlah peratusan yang sama iaitu sebanyak 4%. Kajian ini juga mendapati bahawa jenis

plagiat salinan terus yang serupa (keseluruhan dokumen), peniruan idea (adaptasi berdasarkan konteks) dan manipulasi teks (parafrasa) tidak berlaku dalam artikel jurnal ilmiah yang dikaji. Secara rumusannya, plagiat sendiri berlaku dalam pelbagai bidang akademik di seluruh dunia termasuklah bidang bahasa Melayu.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

SELF-PLAGIARISM IN THE SCIENTIFIC JOURNAL ARTICLE

By

HANIS IZRIN BINTI MOHD HASSAN

March 2020

Chairman : Jama'yah Binti Zakaria, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Self-plagiarism is an unethical act of the authors who recycles or replicates their published work. The difficulty of detecting self-plagiarism in scholarly journal articles is one of the factors of self-plagiarism prevailed continuously. This factor has prompted the perpetrator to continue to commit self-plagiarism as they often been spared from any action and seen as more difficult to contain. Therefore, this study was conducted to identify self-plagiarism elements in scientific journal articles of the Malay language field, to analyze the types of self-plagiarism in scientific journal articles of the Malay language field and to formulate the most dominant type of plagiarism in scientific journal articles of the Malay language field. This study focused on Malay-language scientific journal article that discussed the scope of the Malay language field that can be accessed through the Malaysia Citation Index database (*MyCite*). The qualitative approach based on the content analysis method was use to achieve the objectives of the study while the model that been used in this study is Plagiarism taxonomy (Alzahrani et al., 2012). Self-plagiarism is an unethical act of the authors who recycles or replicates their published work. The difficulty of detecting self-plagiarism in scholarly journal articles is one of the factors of self-plagiarism prevailed continuously. This factor has prompted the perpetrator to continue to commit self-plagiarism as they often been spared from any action and seen as more difficult to contain. Therefore, this study was conducted to identify self-plagiarism elements in scientific journal articles of the Malay language field, to analyze the types of self-plagiarism in scientific journal articles of the Malay language field and to formulate the most dominant type of plagiarism in scientific journal articles of the Malay language field. This study focused on Malay-language scientific journal article that discussed the scope of the Malay language field that can be accessed through the Malaysia Citation Index database (*MyCite*). The qualitative approach based on the content analysis method was use to achieve the objectives of the study while the model that been used in this study is Plagiarism Taxonomy (Alzahrani et al., 2012).

The results of this study show the most dominant type of plagiarism in the articles consists of literal plagiarism (77%) compared to intelligent plagiarism (22%). Near copy (substitution) is the highest percentage in the articles (30%) follow by near copy (deletion) is 22%, near copy (insertion) is 14% and exact copy (whole document) is 8%. Near copy (sentence split or join), modified copy of phrase reordering and syntax show the same percentage (1%). The highest percentage of intelligent plagiarism is idea adoption (section-based importance) which is 11%. Manipulation text (summarizing), idea adoption (semantic-based meaning) and translation show the same percentage (4%). While exact copy (whole document), idea adoption (context-based adaptation) and text manipulation (paraphrasing) in the scientific journal article are not found in this study. Summarily, self-plagiarism occurred in various academic areas throughout the world including the Malay language field.



PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dan hanya atas keizinan-Nya maka tesis ini dapat disempurnakan untuk memperoleh Master Sastera (Bahasa Melayu).

Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengerusi penyeliaan, Dr. Jama'yah binti Zakaria, Prof. Madya Dr. Norazlina binti Haji Mohd Kiram dan Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri sebagai penyelia bersama yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan yang sangat bermakna dalam penyempurnaan tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa tersayang, suami tercinta dan semua ahli keluarga atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan doa yang sentiasa mengiringi perjuangan ini untuk menuntut ilmu dari mula pengajian hingga ke akhirnya. Terima kasih semuanya. Semoga Allah membalas jasa dan kebaikan kalian di dunia dan akhirat.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Jama'yah binti Zakaria, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini dengan ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: Hanis Izrin Binti Mohd Hassan (GS44582)

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Definisi Operasional	7
1.6.1 Plagiat Kendiri	7
1.6.2 Artikel Jurnal Ilmiah	7
1.7 Rumusan	8
2 SOROTAN KAJIAN	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Plagiat dalam Penulisan Ilmiah	9
2.3 Pelanggaran Etika dalam Penulisan Ilmiah	13
2.4 Pendekatan Jenis-jenis Plagiat	15
2.5 Pengesanan Plagiat dalam Penulisan	18
2.6 Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Pengkaji	19
2.7 Rumusan	21
3 METODOLOGI KAJIAN	22
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	22
3.3 Kerangka Model	22
3.3.1 Taksonomi Plagiat Alzahrani, Salim dan Abraham (2012)	23
3.3.1.1 Plagiat Langsung	23
3.3.1.2 Plagiat Pintar	26

3.4	Kerangka Konseptual	29
3.5	Bahan Kajian	30
3.6	Tatacara Kajian	30
3.7	Rumusan	31
4	DAPATAN KAJIAN	32
4.1	Pengenalan	32
4.2	Artikel Jurnal Ilmiah Bidang Bahasa Melayu yang Mengandungi Unsur Plagiat Kendiri	32
4.3	Jenis-jenis Plagiat Kendiri dalam Penulisan Artikel Jurnal Ilmiah Bidang Bahasa Melayu	33
4.4	Kecenderungan Jenis Plagiat Kendiri dalam Penulisan Artikel Jurnal Ilmiah Bidang Bahasa Melayu	53
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	56
5.1	Pengenalan	56
5.2	Kesimpulan	56
5.3	Cadangan	58
	RUJUKAN	60
	LAMPIRAN	67
	BIODATA PELAJAR	99
	PENERBITAN	100

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Pendekatan Plagiat	15
3.1	Contoh plagiat jenis salinan hampir serupa	24
3.2	Contoh plagiat jenis salinan yang diubah suai	25
3.3	Contoh jenis plagiat manipulasi teks secara parafrasa	27
3.4	Contoh jenis plagiat manipulasi teks secara ringkasan	27
3.5	Contoh jenis plagiat secara terjemahan	28
3.6	Contoh jenis plagiat idea (Makna Berdasarkan Semantik)	29
4.1	Senarai Artikel Berunsur Plagiat Kendiri	33
4.2	Artikel Plagiat Pertama	34
4.2.1	Salinan Terus yang Serupa (Sebahagian Dokumen)	35
4.2.2	Salinan Terus Hampir Serupa (Penambahan Kata + Penghapusan Kata)	36
4.2.3	Salinan Terus Hampir Serupa (Penghapusan Kata + Penambahan Kata + Penggantian Kata)	36
4.2.4	Manipulasi Teks (Ringkasan)	37
4.4.5	Peniruan Idea (Bahagian Teks Utama)	38
4.3	Artikel Plagiat Kedua	39
4.3.1	Salinan Terus yang Serupa (Sebahagian Dokumen)	40
4.3.2	Salinan Terus Hampir Serupa (Pengguguran Frasa + Penggantian Kata + Penambahan Frasa)	40
4.3.3	Manipulasi Teks (Ringkasan)	41
4.3.4	Peniruan Idea (Bahagian Teks Utama)	42
4.4	Artikel Plagiat Ketiga	43
4.4.1	Salinan Terus yang Serupa (Sebahagian Dokumen)	44
4.4.2	Salinan Terus Hampir Serupa (Pengguguran Kata + Penggantian Kata + Pisahan Ayat)	44
4.4.3	Salinan yang Diubah suai (Susunan Semula Frasa)	45
4.4.4	Manipulasi Teks (Ringkasan)	46
4.5	Artikel Plagiat Keempat	47
4.5.1	Salinan Terus yang Serupa (Sebahagian Dokumen)	47
4.5.2	Salinan Terus Hampir Serupa (Penambahan Kata)	48
4.6	Artikel Plagiat Kelima	48
4.6.1	Penterjemahan	49
4.7	Artikel Plagiat Keenam	50
4.7.1	Salinan Hampir Serupa (Penghapusan Kata + Penggantian Kata)	51
4.7.2	Salinan Hampir Serupa (Penggantian Kata)	51
4.8	Peratusan Jenis Plagiat Langsung dalam Artikel Jurnal Ilmiah Bidang Bahasa Melayu	53
4.9	Peratusan Jenis Plagiat Pintar dalam Artikel Jurnal Ilmiah Bidang Bahasa Melayu	54

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Jenis-jenis Plagiat Langsung	23
3.2	Jenis-jenis Plagiat Pintar	26
3.3	Kerangka Konseptual	30
4.1	Data 6 (asal)	52
4.2	Data 6 (plagiat)	53
4.3	Peratusan Jenis-jenis Plagiat Kendiri	54



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penerbitan jurnal ilmiah merupakan saluran komunikasi ilmiah yang berperanan penting dalam penyampaian dan perkongsian ilmu pengetahuan (Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff, 2014). Jurnal ilmiah menjadi tempat untuk ilmu dicanai, teori dicetuskan, fakta dibentangkan dan diperakukan (Roosfa Hashim, 2015). Ahli akademik menyebarkan hasil penyelidikan dan inovasi terkini kepada masyarakat dan berkongsi ilmu sejagat melalui artikel jurnal ilmiah (Noraïen Mansor dan Noor Rohana Mansor, 2015). Umumnya, penerbitan jurnal ilmiah menjadi platform penyebaran ilmu pengetahuan tanpa mengira batas sempadan negara.

Dalam dunia kesarjanaan, jurnal ilmiah menjadi wahana komunikasi ilmiah yang penting dalam kalangan ahli akademik kerana penerbitan artikel jurnal ilmiah dapat mempamerkan keupayaan dan kesarjanaan akademia sesebuah negara. Penerbitan artikel jurnal ilmiah yang meliputi pelbagai bidang seperti bidang bahasa Melayu juga dapat menyuburkan budaya kesarjanaan yang akan menjadikan sesebuah negara itu dicontohi, dikagumi, bahkan dapat meningkatkan martabat dan fungsi sesuatu bidang (Roosfa Hashim, 2011). Impak penghasilan pelbagai artikel jurnal ilmiah dalam sesuatu bidang dilihat berupaya menjadikan sesebuah institusi pendidikan itu lebih maju ke hadapan.

Pada hari ini, terdapat pelbagai jurnal yang menjadi pentas perbahasan, perbincangan, dan penghujahan tentang isu dan ilmu pelbagai bidang. Pertumbuhan jabatan, akademi, institut dan persatuan menjadi pemangkin kepada pembangunan penerbitan jurnal. Dalam bidang bahasa Melayu misalnya, Universiti Malaya telah menerbitkan *Jurnal Pengajian Melayu*, Universiti Putra Malaysia menerbitkan *Jurnal Pertanika Mahawangsa* manakala Persatuan Linguistik menerbitkan *Jurnal Linguistik*. Penerbitan pelbagai artikel jurnal berkaitan bidang bahasa Melayu yang dilakukan secara terancang dan serius berupaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa tonggak tamadun besar demi pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu (Awang Sariyan, 2005). Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan kuantiti penerbitan, malah meningkatkan martabat, fungsi dan reputasi bidang bahasa Melayu sebagai bahasa dunia luas.

Namun, keghairahan mengeluarkan pelbagai artikel jurnal oleh jabatan, fakulti dan institut tanpa memberi perhatian yang serius kepada kawalan kualiti dan kredibiliti kesarjanaan akan menghakis kepercayaan komuniti ilmuan antarabangsa terhadap integriti ahli akademik (Nur Hafizah Yusoff, 2019). Dalam hal ini, Mohamed Mustafa Ishak dan Mohd Izani Mohd Zain (2006), menjelaskan terdapat artikel yang

dimuatkan dalam jurnal lebih bersifat 'tangkap muat'. Pengarang mengambil jalan mudah mengitar semula hasil karya sendiri yang dikenali sebagai plagiat sendiri (Peter et. al., 2016).

Plagiat sendiri merupakan tindakan tidak beretika pengarang yang mengitar semula atau meniru hasil penulisan sendiri yang telah diterbitkan seperti peniruan teks atau idea (Roig, 2015). Plagiat sendiri yang turut digelar sebagai penerbitan lekor juga melibatkan pertindihan atau perulangan penemuan tertentu seperti persamaan dari segi hipotesis, metodologi, data kajian atau dapatan kajian (Sarah, 2018).

Bahagian yang ditiru itu selanjutnya diletakkan dalam hasil karya terkini tanpa dinyatakan sumber yang dirujuk (Ibrahim Komo, 2014). Walaupun perbuatan ini tidak dianggap sebagai mencuri atau mengambil bahan daripada pengarang lain, namun tindakan ini tetap dianggap sebagai plagiat kerana apabila sesuatu bahan itu telah diterbitkan, bahan tersebut bukan sahaja milik pengarang, tetapi pihak penerbit turut mempunyai hak terhadap bahan tersebut (Fusch et. al., 2017). Oleh hal yang demikian, pengarang perlu menyatakan sumber rujukan atas namanya sendiri jika ingin merujuk bahan sendiri dalam penulisan seterusnya.

Perbuatan memplagiat hasil penulisan sendiri bukan suatu isu baharu dalam dunia akademik. Plagiat sendiri berlaku dalam pelbagai bidang akademik di seluruh dunia dan keadaan ini berlaku disebabkan pelbagai faktor. Roosfa Hashim, (2011) menjelaskan bahawa perbuatan memplagiat hasil karya sendiri dalam penulisan artikel jurnal ilmiah berlaku kerana kerahan dan persaingan dalam penerbitan. Penerbitan artikel jurnal ilmiah menjamin kesinambungan jawatan, kenaikan pangkat, seterusnya penarafan sesuatu institusi pendidikan dan penyelidikan. Faktor ini menjadi pendorong kepada pengarang untuk menerbitkan sebanyak mungkin artikel. Oleh sebab hasil kajian biasanya tidak diperolehi dengan cepat dan mudah, cara paling senang untuk menambah artikel adalah melalui plagiat sendiri. Pendek kata memberi ganjaran terhadap penerbitan artikel tanpa perhitungan wajar akan meningkatkan perbuatan plagiat sendiri.

Plagiat sendiri juga dilihat berlaku tanpa disedari pengarang kerana kurang pemahaman dalam menghasilkan sebuah penulisan beretika (Andreescu, 2013). Dalam konteks ini, terdapat pengarang yang tidak mahir untuk memilih, menyusun, merumus dan menginterpretasi maklumat yang diperolehi serta tidak mengetahui cara memperakui bahan-bahan yang dirujuk sebagai sumber maklumat dalam sebuah penulisan yang dihasilkan. Keadaan ini menyebabkan pengarang tidak dapat membezakan antara penulisan yang beretika dengan penulisan berunsur plagiat.

Lantaran daripada perbuatan tidak beretika ini, pengarang yang mengitar semula hasil penulisan terdahulu perlu dikenakan tindakan kerana perbuatan ini boleh merencatkan kualiti, kewibawaan dan mutu jurnal ilmiah yang seharusnya asli (Rosiah Hamzah, 2011). Perbuatan plagiat sendiri ini boleh mencalarakan imej dan menghilangkan kebolehpercayaan khalayak pembaca terhadap diri pengarang dan

juga penerbit yang sukar untuk dipulihkan semula (Ahmat Adam dan Saidatul Normis Mahali, 2015).

Denda yang bertujuan untuk mendidik pengarang yang melakukan plagiat dan plagiat sendiri adalah menarik kembali artikel yang telah diterbitkan (Roosfa Hashim, 2015). Menurut Zulkarnain (2012) pula, pengarang yang didapati melanggar etika dengan melakukan perbuatan plagiat akan diberi teguran, peringatan bertulis, diturunkan pangkat, dilucutkan jawatan, dan dibatalkan ijazah atau kedoktorannya. Tindakan ini bertujuan untuk mengekalkan keseimbangan dan integriti ilmu.

Penghasilan sesebuah penulisan berkaitan sesuatu ilmu memerlukan rujukan daripada sesebuah karya dan menjadi suatu kesalahan etika jika pengarang tidak meletakkan sumber rujukan dalam penulisan yang dihasilkan walaupun pengarang merujuk kepada hasil penulisan sendiri yang telah diterbitkan. Sumber rujukan bermaksud memberitahu bahawa pengarang menggunakan idea atau karya lain bagi mengembangkan lagi ilmu sedia ada (Ruhaiza Rusmin dan Nor Hanisah Kamaruzaman, 2015). Elemen ini sangat penting dalam memastikan penulisan yang dihasilkan tidak dianggap sebagai plagiat.

Dalam hal ini, pengarang bertanggungjawab penuh ke atas setiap penulisan yang dihasilkan agar tiada unsur pelanggaran etika seperti melakukan plagiat sendiri. Penulisan ilmiah yang dihasilkan perlu menjurus ke arah melaporkan penyelidikan yang asli untuk rujukan saintifik yang boleh dipercayai (Rosiah Hamzah, 2011). Rencana asli bermakna kajian benar-benar telah dilakukan mengikut prosedur penyelidikan yang betul dan maklumat tidak diambil daripada pengarang lain atau hasil penulisan sendiri yang terdahulu tanpa memberitahu sumbernya atau dalam erti kata yang lain memplagiat.

1.2 Pernyataan Masalah

Salah satu permasalahan terbesar dalam penerbitan artikel jurnal ilmiah di Malaysia ialah kegiatan plagiat (Azizi Ahmad, 2016). Ruhaiza Rusmin dan Nor Hanisah Kamaruzaman (2015), mendapati bahawa mahasiswa di Malaysia sering melakukan plagiat kerana mereka hanya mengetahui plagiat asas iaitu plagiat kata per kata yang tidak boleh dilakukan dalam penulisan ilmiah. Walhal, terdapat banyak cabang dan aras plagiat dalam penulisan akademik yang perlu dihindari oleh pelajar. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kajian Norsiha dan Nurliyana (2013), yang mendapati bahawa sebanyak 82% mahasiswa institusi pengajian tinggi di Malaysia pernah terlibat dengan plagiat. Kajian Ramlan Mustapha (2016), pula mendapati sebanyak 63% mahasiswa di Institut Penguruan Malaysia mengaku telah melakukan plagiat dalam penulisan ilmiah.

Sorotan kajian lepas juga mendapati kelakuan plagiat bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar malah turut melibatkan para ilmuwan yang terdiri daripada ahli akademik di institusi pengajian tinggi. Menurut Nurhasyimah Khalid (2014), ahli akademik terjebak dengan kelakuan plagiat kerana kekangan masa dalam menyiapkan sesebuah penulisan. Disebabkan kesuntukan masa, pelaku bertindak mengambil jalan pintas dengan melakukan plagiat.

Kini, kegiatan plagiat bukan sahaja melibatkan peniruan hasil karya orang lain, malah turut melibatkan peniruan hasil karya sendiri yang digelar sebagai plagiat sendiri. Kegiatan ini menjadi kebimbangan sejagat kerana bertentangan dengan asas etika penulisan dan penerbitan ilmiah (Shahrinnahar Latib, 2019). Plagiat sendiri merupakan tindakan pengarang yang menyalin kembali hasil karya sendiri yang telah diterbitkan sebelum ini dan meletakkannya dalam hasil karya yang baharu tanpa menyatakan sumber asal yang dirujuk (Kokol, Zavrnsnik dan Vosner, 2016). Kegiatan ini mencerminkan ketidakjujuran akademik yang merencatkan mutu penerbitan artikel jurnal ilmiah kerana ilmu atau hasil kajian yang dibentangkan tidak berkembang ekoran pertindihan atau perulangan sesuatu penemuan kajian yang telahpun diterbitkan (Vikas dan Aparna, 2016).

Oleh sebab artikel jurnal ilmiah merupakan saluran komunikasi utama dalam menyebarkan ilmu sesuatu bidang seperti bidang bahasa Melayu kepada seluruh masyarakat, maka isu kegiatan plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah perlu dititikberatkan demi mutu, kualiti dan kewibawaan penerbitan artikel jurnal ilmiah. Rentetan daripada permasalahan tersebut, Joob dan Wiwanitkit (2016) menyatakan bahawa plagiat sendiri terus berlaku kerana kesukaran mengesan unsur plagiat sendiri dalam sesebuah artikel. Cabaran untuk mengesan unsur plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah menjadi semakin sukar apabila trend penulisan berunsur plagiat sendiri kini bukan sahaja terdiri daripada peniruan kata demi kata, malah membabitkan peniruan melalui terjemahan, mengganti, mengubahsuai, memanipulasi, dan mensintesis kata, frasa dan ayat sehingga strukturnya berubah namun idea pengarang asal dikekalkan (Lauren, Mayra dan Neelam, 2019). Hal ini mendorong pelaku untuk terus melakukan plagiat sendiri kerana sering terlepas daripada dikenakan sebarang tindakan dan keadaan ini dilihat semakin sukar dibendung.

Dalam hal ini, penggunaan perisian pengesanan plagiat merupakan kaedah yang paling popular dan kerap digunakan untuk mengesan kewujudan plagiat dalam sesebuah penulisan ilmiah. Terdapat pelbagai jenis perisian pengesanan plagiat di laman sesawang yang boleh dilanggan secara percuma atau dikenakan bayaran. Antaranya, *Turnitin*, *Copyscape.com*, *Duplichecker.com* dan *Plagtracker.com*. Di Malaysia, *Turnitin* merupakan perisian pengesanan plagiat yang paling banyak dilanggan dan digunakan oleh hampir seluruh universiti awam di Malaysia untuk mengesan unsur plagiat seperti plagiat sendiri (Noraini Talib, 2016).

Namun, sorotan kajian lepas menyatakan bahawa kaedah pengesanan plagiat melalui dalam talian seperti perisian *Turnitin* hanya terhad kepada pengesanan satu jenis

plagiat sahaja iaitu plagiat kata per kata bahan dalam talian. Perisian pengesanan plagiat tidak dapat mengesan penulisan berunsur plagiat yang kata, frasa, dan ayat diganti, diubah, dimanipulasi, serta disintesis sehingga strukturnya berubah, namun idea pengarang asal dikekalkan (Joob dan Wiwanitkit, 2016). Pemprosesan pengesanan beribu-ribu perkataan dalam teks yang dikaji dengan berbilion dokumen di Internet adalah tidak praktikal dan dilihat tidak berupaya menghapuskan gejala plagiat (Kostka dan Maliborska, 2016).

Plagiat yang diambil daripada buku atau artikel yang tiada dalam Internet telah menyukarkan lagi pengesanan unsur plagiat dalam penulisan ilmiah kerana perisian pengesanan plagiat tidak berupaya mengesannya (Rogerson dan McCarthy, 2017). Penulisan ilmiah yang mempunyai rajah, jadual, formula, idea, konsep, data, keputusan dan kesimpulan kajian juga tidak dapat dikesan melalui kaedah perisian pengesanan plagiat yang lebih berfokus kepada semakan persamaan ayat antara satu penulisan dengan penulisan lain (Johari, Alias, Rahman dan Ibrahim, 2015).

Oleh itu, usaha mengesan plagiat seperti plagiat sendiri tidak sewajarnya bergantung kepada perisian pengesanan plagiat semata-mata. Masalah ini kompleks dan tidak boleh diselesaikan hanya dengan memperkenalkan satu mekanisme pengesanan plagiat sahaja. Kaedah atau inisiatif lain selain daripada penggunaan perisian pengesanan plagiat perlu dikenal pasti dan diaplikasi dalam usaha mengesan plagiat.

Oleh sebab terdapat kesukaran untuk mengesan kepelbagaian jenis plagiat sendiri dalam sesebuah artikel jurnal ilmiah, maka satu kajian tentang pengesanan plagiat sendiri perlu dilakukan secara tuntas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengesan artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu yang mengandungi unsur plagiat sendiri berdasarkan kaedah kata kunci. Selanjutnya, kajian ini akan memeriksa jenis-jenis plagiat sendiri yang berlaku dan merumuskan jenis plagiat sendiri paling dominan dalam penulisan artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Secara umum, tujuan kajian ini adalah mengesan plagiat sendiri dalam artikel bidang bahasa Melayu. Oleh itu, tiga objektif khusus telah dikenal pasti iaitu:

- i. Menenal pasti artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu yang mengandungi unsur plagiat sendiri.
- ii. Menganalisis jenis-jenis plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu.
- iii. Merumuskan jenis plagiat sendiri yang paling dominan dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat membekalkan maklumat dan rujukan kepada masyarakat khususnya ahli akademik tentang plagiat sendiri. Usaha ini sedikit sebanyak membantu pengarang akademik untuk memahami dan membandingkan antara penulisan yang betul dengan penulisan berunsur plagiat kerana penerangan secara terperinci mengenai jenis-jenis plagiat sendiri dalam sesebuah artikel dikenal pasti dan dihuraikan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini juga dapat mengetengahkan cara menghindari penulisan berunsur plagiat dan kaedah membuat petikan yang betul untuk menghargai sesebuah karya yang dirujuk.

Kajian ini juga dapat memaparkan keberkesanan kaedah pengesanan plagiat melalui kata kunci iaitu menggunakan kata-kata atau frasa tertentu untuk mengesan persamaan yang wujud antara satu teks dengan teks yang lain. Kaedah ini dilihat relevan digunakan untuk mengesan artikel berunsur plagiat sendiri berbanding kaedah perisian pengesanan plagiat. Hal ini kerana kaedah pengesanan plagiat berdasarkan kata kunci dapat mengesan penulisan berunsur plagiat yang bukan sahaja terdiri daripada peniruan kata demi kata, malah dapat mengesan penulisan secara parafrasa, plagiat idea, dan plagiat terjemahan yang sukar dikesan menggunakan perisian pengesanan plagiat. Selain itu, hasil kajian ini dapat menambahkan lagi dokumentasi mengenai plagiat. Kajian ini juga dapat memberi pertambahan idea kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menambahbaik, memperdalam dan memperluas lagi kajian mengenai plagiat di masa hadapan agar dapat memenuhi ruang atau lompang kajian-kajian lepas.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada artikel pelbagai jurnal ilmiah yang membincangkan teori dan amalan termasuk perbincangan kritikal mengenai isu-isu serta sumbangan baharu berkaitan bidang bahasa Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada artikel yang diterbitkan pada tahun 2009 sehingga 2019. Kesemua artikel diakses melalui pangkalan Data *Malaysia Citation Index (MyCite)*. Pangkalan data ini dikelola oleh Pusat Sitasi Malaysia (MCC) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). *MyCite* dipilih kerana laman web ini memaparkan kandungan teks penuh artikel daripada pelbagai jurnal yang diterbitkan di Malaysia khususnya yang membincangkan tentang bahasa Melayu dan ditulis dalam bahasa Melayu serta dapat diakses secara terbuka. Dalam kajian ini juga, sampel yang dipilih merupakan artikel-artikel yang telah dikenal pasti mempunyai unsur plagiat sendiri.

1.6 Definisi Operasional

Dalam bahagian definisi operasional beberapa kata kunci yang digunakan dalam kajian ini diuraikan. Kata kunci tersebut ialah plagiat sendiri dan artikel jurnal ilmiah.

1.6.1 Plagiat Kendiri

Plagiat sendiri ditakrifkan sebagai perbuatan mengitar semula hasil karya sendiri yang telah diterbitkan sebelum ini dan meletakkannya dalam hasil karya yang baharu tanpa menyatakan sumber asal yang dirujuk (Kokol et. al., 2016). Pelaku mencedok, meniru atau menyalin kembali teks, idea atau hasil dapatan kajian sendiri yang telah diterbitkan (Vesna, 2013).

Pelaku juga melakukan pertindihan atau perulangan dari segi hipotesis dan metodologi kajian terdahulu (Medina dan Alonso, 2018). Plagiat ini turut digelar sebagai penerbitan lekor atau *salami publication* (Roig, 2015). Dalam konteks kajian ini, plagiat sendiri melibatkan penulisan artikel jurnal ilmiah dalam bidang bahasa Melayu yang mempunyai pertindihan atau perulangan kembali hasil penulisan terdahulu tanpa meletakkan sumber rujukan.

1.6.2 Artikel Jurnal Ilmiah

Roosfa Hashim (2015), menjelaskan jurnal ilmiah merupakan penerbitan artikel yang berstruktur dan piawai dengan mempunyai abstrak, sorotan kajian lalu, kaedah, dapatan kajian, kesimpulan dan bibliografi yang dinilai oleh pewasit (*peer review*) yang pakar dalam sesuatu bidang sebelum diterbitkan dalam jurnal ilmiah. Whitley (2003) menyatakan bahawa artikel jurnal ilmiah diterbitkan dengan tujuan melaporkan penyelidikan asli untuk maklumat seluruh masyarakat sarjana yang diterbitkan oleh pertubuhan profesional. Kini, penerbitan artikel jurnal ilmiah bukan sahaja diterbitkan oleh pertubuhan profesional tetapi turut diterbitkan oleh organisasi dan institut pendidikan serta penyelidikan (Syed Arabi Idid, 2006).

Dalam pada itu, Hasnah Ibrahim (1997), turut menjelaskan bahawa artikel jurnal ilmiah merupakan penerbitan yang ditulis untuk menyumbang kepada ilmu pengetahuan manusia. Penjelasan ini turut dikukuhkan oleh Mohamed Mustafa Ishak & Mohd Izani Mohd Zain (2006), yang menyatakan bahawa artikel jurnal ilmiah merupakan penerbitan yang mengandungi maklumat atau kajian berkaitan sesuatu bidang untuk bacaan khalayak pembaca. Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015), pula menyatakan bahawa artikel jurnal ilmiah merupakan penerbitan yang membentangkan hasil penyelidikan tentang sesuatu fakta atau penemuan berkaitan sesuatu disiplin atau subdisiplin akademik. Oleh itu dapat disimpulkan artikel jurnal

ilmiah adalah penerbitan hasil dapatan penyelidikan yang ditulis dalam struktur tertentu dan bertujuan untuk menambah maklumat dalam bidang-bidang tertentu.

1.7 Rumusan

Bab 1 ini menghuraikan konsep plagiat sendiri yang merujuk kepada penggunaan atau peniruan hasil karya sendiri. Tindakan plagiat sendiri dikategorikan sebagai tindakan tidak beretika yang boleh menghakis kepercayaan masyarakat terhadap integriti pengarang dan pada akhirnya menerbitkan artikel tidak berwibawa. Kesukaran mengesan sesebuah penulisan yang memplagiat hasil karya sendiri menjadi salah satu faktor terdapatnya penerbitan artikel jurnal ilmiah berunsurplagiat sendiri.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu yang mengandungi unsur plagiat sendiri berdasarkan kaedah kata kunci, menganalisis jenis-jenis plagiat sendiri dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu dan merumuskan jenis plagiat sendiri yang paling dominan dalam artikel jurnal ilmiah bidang bahasa Melayu. Kajian ini dibataskan kepada artikel jurnal yang membincangkan tentang bidang bahasa Melayu terbitan tahun 2009 hingga 2019 yang diakses melalui *MyCite*.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2005). *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Persatuan Linguistik Malaysia
- Andreescu, L. (2013). Self-Plagiarism in Academic Publishing: The Anatomy of a Misnomer. *Science and Engineering Ethics*, 19, 775-797.
- Ahmat Adam & Saidatul Nornis Mahali. (2015). *Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Azizi Ahmad. (2016, Jan 12). *Mengatasi Plagiarisme*. Mstar. Dimuat turun daripada <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2016/01/12/elak-plagiarisme/>
- Alzahrani, S.M., Salim, N., & Abraham, A. (2012). Understanding Plagiarism Linguistic Pattern, Textual Features, and Detection Methods. *IEEE Transactions on Systems, Man, and Cybernetics, Part C (Applications and Reviews)*, 42 (2), 133-149.
- Ahmed Hamza Osman, Naomie Salim & Albaraa Abuobieda. (2012). Survey of Text Plagiarism Detection. *Computer Engineering and Applications*, 1 (1), 37-45.
- Afdhal Azmi, Taufan Chalis & Taufiq Gani. (2014). *Analisa Perbandingan Aplikasi Pendeteksi Plagiat Terhadap Karya Ilmiah*. Seminar Nasional dan Expo Teknik Elektro.
- Alina, T., & Valentin, R. (2015). Ways to Detect Plagiarism in Academic Research. *Annales Universitatis Apulensis Series Oeconomica*, 17 (2), 76-87.
- Azizi Ahmad. (2016, Jan 12). *Mengatasi Plagiarisme*. Mstar. Dilayari daripada <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2016/01/12/elak-plagiarisme/>
- Ambrose, T. S. (2014) Plagiarism of Ideas. Benjamin Rush and Charles Caldwell- A Student-Mentor Dispute. *Microbiology, Immunology and Molecular Genetics Faculty Publications*, 73.
- Anderson, I. (2009) Avoiding Plagiarism in Academic Writing. *Nursing Standard*, 23-37.
- Batane, T. (2010). Turning to Turnitin to Fight Plagiarism Among University Students. *Education Technology & Society*, 13 (2), 1-12.
- Barnbaum, C. (2002). Plagiarism: A Student's Guide to Recognizing It and Avoiding It. Dimuat turun daripada website C. Barnbaum. [http://ww2.valdosta.edu/~cbarnbau/personal/teaching MISC/plagiarism.htm](http://ww2.valdosta.edu/~cbarnbau/personal/teaching_MISC/plagiarism.htm)

- Benos, J. D., Fabres, J., Farmer, J., Gutierrez, P. J., Hennessy, K., Kosek, D., Lee, H. J., Russell, T., Faheem Shaikh, Wang, K. (2005). *Ethics and Scientific Publication. American Physiological Society*, 29 (2).
- Bailey, J. (2012, Jun 21). Self-plagiarism, Ethics and The Case of Jonah Lehrer. *Plagiarism Today*.
- Cardiol, C. J. (2017). Plagiarism, Self-plagiarism and Duplicate Publication. *The Canadian Journal of Cardiology*, 23 (2), 146-147.
- Cleary, M. (2012). *Top Ten Reasons Students Plagiarize & What You Can Do About It*. DePaul University.
- Clough, P. (2000). Plagiarism in Natural and Programming Languages: An Overview of Current Tools and Technologies. Department of Computer Science, University of Sheffield.
- Fusch, P. I., Ness, L. R., Booker, J. M., & Fusch, G. E. (2017). The Ethical Implications of Plagiarism and Ghostwriting in an Open Society Whedbee and the Ongoing Discussion of How Plagiarism Is Defined. *Journal of Social Change*, 9 (1), 55-63.
- Fakhrul Anuar Aziz, & Zulikha Jamaludin (2007). Plagiarisme berasaskan internet: Suatu Analisis. *Paper presented at the 1st International Malaysian Educational Technology Convention, Sofitel Palm Resort, Senai, Johor Bahru, Malaysia*.
- Hussain, A. C. & Dhruva, K. B. (2018). Plagiarism: Taxonomy, Tools and Detection Techniques. *ArXiv, abs/1801.06323*.
- Ho, C.C. (2008). Teaching Appropriate Text Borrowing Practices to Law Students in an Asian University. *Reflections on English Language Teaching*, 7 (2), 145-154.
- Hart, M. & Friesner, T. (2004). Plagiarism and Poor Academic Practice – A Treat to the Extension of e-Learning in Higher Education. *Electronic Journal on e-Learning*, 2 (1), 89-96.
- Hansen, C. (2003). Combating Plagiarism. *CQ Researcher*, 13 (32), 773-796.
- Hasnah Ibrahim. (1997). *Penulisan Makalah untuk Jurnal Ilmiah*. Prosiding MAPIM Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Komo. (2014, Dis 17). *Amalan Plagiat Boleh Jejas Integriti Akademik*. Berita Harian. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/node/23674>

Ibrahim Komo. (2014, 16 Dec). Amalan Plagiat Boleh Jejas Integriti Akademik. Berita Harian. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/node/23674>

Johari, F., Alias, M., Rahman, A. A., & Ibrahim, M. F. (2015). The Usage of “Turnitin” as an Innovative Educational Tool: Inculcating Critical Thinking in Integrating Naqli and Aqli for Subject of Malaysian Economy. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 195, 821–827.

Jurdi, R., Hage, H. S., & Chow, H. (2011). Academic Dishonesty in the Canadian Classroom. Behaviours of a Sample of University Students. *Canadian Journal of Higher Education*, 41 (3).

Julianne, E. (2010). Judging Plagiarism: A Problem of Morality and Convention. *High Education*, 59, 69-83.

Joob B, & Wiwanitkit V. (2016). Plagiarism: When It Is Hard to Detect. *Medical Journal of DY*, 9 (2), 277.

Kostka, I., Maliborska, V. (2016). Using Turnitin to Provide Feedback on L2 Writers Texts. *The Electronic Journal for English as a Second Language*, 20 (2), 1-23.

Karzan, W., Tariq, S., Ghafoor, M., & Ahmad, M. A. (2017). Plagiarism Detection System for the Kurdish Language. *International Journal of Information and Computer Science*.

Klausman, J. (1999). Teaching about Plagiarism in the Age of the Internet. *Teaching English in the Two-year College*, 209-212.

Lim, K. G., & See K. B. (2001). Attitudes Toward and Intentions to Report, Academic Cheating Among Students in Singapore. *Ethics & Behaviour*, 11 (3), 261-274.

Lauren, K. B., Mayra B. & Neelam A. V. (2018). Text Recycling: Self-plagiarism in Scientific Writing. *International Journal of Women's Dermatology*, 5, 134-136.

Mohamed Mustafa Ishak & Mohd Izani Mohd Zain. (2006). *Universiti dan Penerbitan Ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Ilmiah di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Medina, L. & Alonso S. (2018). A Reflection about Self-plagiarism. *GIST Education and Learning Research Journal*, 16, 164-184.

Mohamed Mustafa Ishak & Mohd Izani Mohd Zain. (2006). *Universiti dan Penerbitan Ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Maxwell, A., Curtis, G. J., & Vardanega, L. (2008). Does Culture Influence Understanding and Perceived Seriousness of Plagiarism? *International Journal for Educational Integrity*, 4 (2).
- Mccabe, D. L. (2005). Cheating Among College and University Students: A North American Perspective. *Business, Education and Sociology Journals*.
- Maurer H., Frank K., & Bilal Zaka. (2006). Plagiarism-A Survey. *Journal of Universal Computer Science*, 12 (8).
- Man, P. D. (2013). *Blindness and Insight: Essays in the Rhetoric of Contemporary Criticism*. United Kingdom: Methuen & Co. Ltd.
- Martin, B. (1994). Plagiarism: a misplaced emphasis. *Journal of Information Ethics*, 3 (2), 36-47.
- Mhaskar, V. S. & Thombre, B. (2016). Survey on Different Obfuscated Plagiarism Detection Methods. *International Journal of Advance Research in Computer Science and Management Studies*, 4 (11).
- Malaysian Citation Centre. (2011). Dilayari daripada <http://www.mycite.my/>
- Noraïen Mansor & Noor Rohana Mansor. (2015). Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu dalam Kalangan Ilmuwan Negara. *Journal of Business and Social Development*, 3 (1), 25-32.
- Nur Hafizah Yusoff. (2019). Integriti Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Society and Space*, 15 (4), 179-190.
- Noraini Talib. (2016). Masalah Plagiarisme dan Amalan Penggunaan Turnitin dalam Kalangan Pelajar Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 8 (2), 1-15.
- Nursiha Saidin & Nurliyana Isa. (2013). Investigating Academic Dishonesty Among Language Teacher Trainees: The Why and How of Cheating. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 522-529.
- Penketh, C. & Beaumont, C. 'Turnitin said it wasn't happy': can the regulatory discourse of plagiarism detection operates as a change artefact for writing development? *Innovation in Educational and Teaching International*, 51 (1).
- Pecorari, D. (2015). Good and Original: Plagiarism and Patchwriting in Academic Second-Language Writing. *Journal of Secon Language*.
- Pecorari, D. (2010). *Academic Writing and Plagiarism: A Linguistic Analysis*. Bloomsbury Academic.

- Patterson, P., Wilkins, L., & Painter, C. (2019). *Media Ethics: Issues and Cases*. Maryland: Rowman & Littlefield.
- Peter, K., Jernej Z., Danica, Z., & Helena, B. V. (2016). Creating a Self-Plagiarism Research Topic Typology through Bibliometric Visualisation. *Journal of Academic Ethics*, 14 (3):221-230.
- Roosfa Hashim. (2015). *Penerbitan Jurnal Ilmiah Isu Kualiti, Media dan Pengantarabangsaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Roosfa Hashim. (2011). *Pembangunan Jurnal Ilmiah Malaysia (1847-2007)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roig, M. (2015). *Avoiding Plagiarism, Self-Plagiarism, and Other Questionable Writing Practices: A Guide to Ethical Writing*. United States: Office of Research Integrity.
- Rosiah Hamzah. (2011). Trend Penerbitan Penyelidikan dalam Journal of TropicalAgriculture and Food Science. *Economic and Technology Management Review*, 6, 93-104.
- Ruhaiza Rusmin & Nor Hanisah Kamaruzaman. (2015, Dis 14). *Plagiat Jejas Profesionalisme*. Harian Metro. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/node/100099>
- Rezanejad, A. & Rezaie, S. (2013). Academic Dishonesty at Universities: The Case of Plagiarism Among Iranian Language Students. *Journal of Academic Ethics*, 11, 275-295.
- Ramlan Mustapha, Zaharah Hussin & Saedah Siraj. (2016). Ketidakjujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Muslim di Malaysia: Analisis Perbandingan Tahun 2014-2015. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1 (4), 41-55.
- Rogerson, A. M. & Grace M. C. (2017). Using Internet Based Paraphrasing Tools: Original Work, Patchwriting or Facilitated Plagiarism? *International Journal for Educational Integrity*, 13 (2), 1-15.
- Rosiah Hamzah. (2011). Trend Penerbitan Penyelidikan dalam Journal of TropicalAgriculture and Food Science. *Economic and Technology Management Review*, 6: 93-104.
- Richards, S. (2015). Academic Integrity, Plagiarism, and Mercenary Authorship in Online Learning Environments. *In Proceedings of the European Conference on e-Learning*, 575–579.
- Roka, Y. M. (2017). PlagiarismL Types, Causes and How to Avoid This Worldwide Problem. *Nepal Journal of Neuroscience*, 14, 2-6.

- Roig, M. (2006). *Avoiding plagiarism, self-plagiarism, and other questionable writing practices: A guide to ethical writing*. Office of Research Integrity.
- Reddy, K.D. (2013). Plagiarism Detection using Enhanced Relative Frequency Model. *Thesis Master*. Computer Science and Engineering.
- Sarah, E. E. (2018). Self-Plagiarism Research Literature in The Social Sciences: A Scoping Review. *Interchange* 49, 285-311.
- Syed Arabi Idid. (2006). *Jurnal Ilmiah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Penerbitan Malaysia-Indonesia Suntingan Hamed Mohd Adnan dan Ana Nadhya Abrar*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahrinnahar Latib. (2019). Plagiat Cemar Kesucian Bidang Pendidikan. Berita Harian. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/07/581009/plagiat-cemar-kesucian-bidang-pendidikan>.
- Smith, S. (2019, Jan 25). Dutch Journalist Accused of Fabrication, Plagiarism. *Media Ethics News & Investigative Reports*. Dimuat turun daripada <https://www.imediaethics.org/dutch-journalist-accused-of-fabrication-plagiarism/>
- Shirazi, B., Jafarey, A. M., & Moazam, F. (2010). Plagiarism and the Medical Fraternity: A Study of Knowledge and Attitudes. *Journal of the Pakistan Medical Association*, 40 (4).
- Spiroski, M. (2016) How to Verify Plagiarism of the Paper Written in Macedonian and Translated in Foreign Language? *Macedonian Journal of Medical Sciences*, 4 (1).
- Samson & Michael, A. (2009). *Plagiarism and Fabrication: Dishonesty in the newsroom*. Massey University.
- Scanlon, P. (2007). Song from myself: an anatomy of self-plagiarism. *Plagiarism: Cross-disciplinary Studies in Plagiarism, Fabrication, and Falsification*, 2, 57-66.
- Vikas, M. & Aparna M. (2016). Salami Slicing of Data Sets: What the Young Researcher Needs to Know. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 38 (6), 577.
- Vesna, S. S. (2013). Salami Publication: Definitions and Examples. *Biochemia Medica*, 23 (3), 137-41
- Vinod, K. R., Sandhya, S., Sathish, K. D., Harani, A., David, B. & Otilia J. F. B. (2011). Plagiarism-History, Detection and Prevention. *Journal for Drugs and Medicines*, 3 (1), 1-4.

Whitley, B. (2003). *What is a Scholarly Journal?* Western Carolina: Hunter Library, WCU. Dimuat turun daripada <http://www.wcu.edu>.

Yusuf, D. S. M., & Masrom, U. K. (2011). Malaysian Students' Understanding of Plagiarism. *Malay*, 35, 72-9.

Zamimah Osman & Nuraini Yusoff. (2014). *Pengantarabangsa Jurnal Ilmiah Berbahasa Melayu: Mengungkap Sejarah Melakar Masa Depan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkarnain. (2012). *Menghindari Perangkap Plagiarisme dalam Menghasilkan Karya Tulis Ilmiah*. Jambi: Fakultas Pertanian Universitas Jambi.

Zini, M., Fabbri, M., Moneglia, M., & Panunzi, A. (2006). "Plagiarism Detection through Multilevel Text Comparison," in Automated Production of Cross Media Content for Multi-Channel Distribution, 2006. *AXMEDIS '06. Second International Conference*, 181-185.